



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Hasnah Husiin. & Nor Aisyah Ahmad. (2025). Komuniti dan perubahan: Menelusuri sejarah pembangunan komuniti di Tanah Melayu. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(8), 112-130. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.8>

KOMUNITI DAN PERUBAHAN: MENELUSURI SEJARAH PEMBANGUNAN KOMUNITI DI TANAH MELAYU

*(Community and Transformation: Tracing the History of Community
Development in the Malay Peninsula)*

¹Hasnah Hussiin & ²Nor Aisyah Ahmad

¹Pusat Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

²Pusat Bahasa dan Pengajian Umum,
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)

¹*Corresponding author: hasnah@umpsa.edu.my*

Received: 14/4/2025

Revised: 01/6/2025

Accepted: 01/7/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Pendudukan British di negara ini telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap keadaan sosioekonomi masyarakat Tanah Melayu khususnya semasa era pemerintahan British dan selepas kemerdekaan. Keadaan ini diumpamakan sebagai bagaimana rupa acuan begitulah apa yang berlaku selepasnya. Tidak dinafikan keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu sebelum kemasukan penjajah Barat masih belum maju dari pelbagai aspek terutamanya ekonomi dan pendidikan. Ini disebabkan oleh sikap masyarakat Melayu yang belum mahu berubah, kekurangan ilmu dan teknologi moden. Masyarakat Melayu banyak terlibat dalam bidang-bidang bukan komersial dan tidak memerlukan kemahiran yang tinggi. Keadaan ini dilihat

tidak banyak berubah semasa pendudukan British. Untuk itu, kerajaan Tanah Melayu telah berusaha untuk mengubah kehidupan masyarakat Melayu melalui program pembangunan masyarakat di bawah rancangan pembangunan luar bandar. Kajian ini dilakukan terhadap salah satu program yang diperkenalkan oleh kerajaan Tanah Melayu yang bertujuan bagi membangunkan masyarakat Tanah Melayu pada waktu itu melalui Pembangunan Komuniti atau dikenali sebagai *Community Development*. Pembangunan Komuniti merupakan usaha menyeluruh kerajaan bagi memastikan masyarakat luar bandar maju dari pelbagai aspek kehidupan dan mampu bersaing dengan kaum yang lain. Kajian ini menggunakan metodologi sejarah yang melibatkan pelbagai tindakan seperti heuristik, kritikan, analisis, dan historiografi. Sumber dan bahan kajian ini kebanyakannya berdasarkan sumber primer seperti dokumen Kerajaan Persekutuan seperti fail-fail kerajaan Persekutuan, Minit Mesyuarat, Laporan tahunan, Surat Persendirian dan sebagainya yang sebahagiannya diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Hasil kajian ini memperlihatkan usaha awal pihak kerajaan yang signifikan bagi membangunkan masyarakat luar bandar dalam pelbagai aspek terutamanya sosioekonomi sebelum kemerdekaan dan awal kemerdekaan. Pembangunan Komuniti yang dijalankan oleh kerajaan Tanah Melayu ini telah mendapat pengiktirafan dari beberapa buah negara ASEAN yang lain sehingga Tanah Melayu menjadi contoh dalam pelaksanaan pembangunan masyarakat luar bandar dalam masa yang singkat.

Kata kunci: Sejarah, pembangunan, Pembangunan Komuniti, Tanah Melayu, British

ABSTRACT

The British occupation of this country left a profound impact on the socioeconomic conditions of the society in the Malay Peninsula, particularly during the British administration and after independence. This situation can be likened to the saying, "as the mold is shaped, so will be the outcome." It is undeniable that the socioeconomic status of the Malay community before the arrival of Western colonial powers was still underdeveloped in various aspects, especially in terms of the economy and education. This was due to the Malay community's reluctance to change, lack of knowledge, and limited access to modern technology. Most Malays were involved in non-commercial sectors that did not require high levels of skill. This situation did not see a significant change during British rule. In response, the government of the Malay Peninsula made efforts to transform the lives of the Malay community through community development programs under the rural development plans. This study focuses on one such program introduced by the government of the Malay Peninsula, which aimed to uplift the Malay society at the time through Community Development. Community Development was a comprehensive government initiative to ensure that rural communities progressed in various aspects of life and could compete with other ethnic groups. This research employs historical methodology, involving multiple approaches such as heuristics, critique, analysis, and historiography. The sources and materials used are primarily based on primary sources, including Federal Government documents such as official files, meeting minutes, annual reports, personal letters, and others, many of which were obtained from the National Archives of Malaysia in Kuala Lumpur. The findings of this study highlight the early and significant efforts of the government to develop rural communities in various aspects, particularly socioeconomic, both before and in the early years following independence. The Community Development initiatives carried out by the government of the Malay Peninsula gained

recognition from several other ASEAN countries, to the extent that the Malay Peninsula became a model for rural community development within a short period.

Keywords: History, development, Community Development, Malaya, British

PENGENALAN

Masyarakat tempatan sangat jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan orang bukan Melayu. Untuk itu, selepas penjajahan, pihak kerajaan tidak berdiam diri, kemajuan anak bangsa perlu dilakukan bagi pembangunan negara. Dalam hal ini, pihak kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi melaksanakan usaha-usaha memajukan masyarakat di negeri masing-masing. Salah satu program yang dibangunkan bagi melaksanakan pembangunan masyarakat lepas merdeka adalah pengenalan Pembangunan Komuniti atau dalam bahasa Inggeris “*Community Development*”. Maksud komuniti adalah merujuk kepada sekumpulan individu atau keluarga yang berkongsi nilai, perkhidmatan, institusi dan minat yang mendiami sesuatu kawasan tertentu. (Zakiah Jamaluddin, 2015).

Pembangunan Komuniti merupakan usaha pertama kerajaan pada akhir 1950-an untuk memajukan masyarakat yang selama ini terbiar di bawah pendudukan British. Ia dilaksanakan di seluruh Tanah Melayu dan Perlis telah dipilih sebagai negeri pertama yang memulakan Pembangunan Komuniti (Fail Pembangunan Komuniti Perlis). Secara amnya, Tanah Melayu belumlah mempunyai segala kelengkapan, tenaga mahir serta modal untuk melaksanakan pembangunan negara pada masa ini. (Hasnah Hussiin, 2012). Justeru itu, perlu dilihat bagaimanakah dengan kekurangan yang ada, kerajaan Tanah Melayu mampu merancang pembangunan negara sehingga ia menjadi ikutan kepada beberapa negara Asia pada waktu itu. Dilaporkan pelaksanaan pembangunan luar bandar yang diterajui oleh Tun Abdul Razak pada waktu itu telah mendapat pengiktirafan dari beberapa buah negara luar. Menurut Tun Abdul Razak (1966):

...we in Malaysia evolved our own technique of Development Plan implementation – a technique which is now being copied by many countries in both Africa and Asia and even, i believe by Columbia in Latin America.

(Tun Haji Abdul Razak:1966)

Memetik tulisan J. Victor Morais:

Few countries in the world have made so much progress in so short a time as Malaysia has done. Today, she enjoys the highest standard of living in Asia outside of Japan. Undoubtedly, the most understanding achievement of post independence Malaysia is its national and rural development. The entire country has been transformed as never before in centuries of colonial rule. More than 200,000 acres of new land comprising some 75 land schemes have been opened up and more than 16,500 families – once landless and helpless – find a new way of life and a new hope in these schemes.

(Tun Abdul Razak – A Profile (Strategy for Action)

PERMASALAHAN KAJIAN

Sebelum penjajahan British, sudah wujud dua kawasan tumpuan penduduk Tanah Melayu iaitu kawasan pusat dan kawasan pinggir. Kawasan pusat merujuk kepada pusat pentadbiran kerajaan, tumpuan perdagangan, tempat penyebaran agama Islam serta disediakan kemudahan-kemudahan tertentu untuk para pedagang. (*Sejarah Melayu: 1989*) Manakala kawasan pinggir pusat pentadbiran merangkumi kawasan kampung, kawasan pedalaman dan pinggir sungai yang dihuni oleh masyarakat tempatan. Masyarakat yang mendiami kawasan ini menjalankan aktiviti pertanian, pungutan hasil hutan dan perikanan. Kebanyakan mereka terdiri daripada masyarakat Melayu.

Penjajahan British telah meninggalkan banyak kesan sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Salah satu kesan yang dilihat memberikan impak yang besar sehingga ke hari ini ialah wujudnya kawasan maju dan kurang maju iaitu ia berkait rapat dengan pembangunan ekonomi pada masa itu. Semasa penjajahan British, mereka telah memperkembangkan kawasan yang menjadi tumpuan ekonomi perdagangan bijih timah dan getah dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan frasarana. Di kawasan ini juga dijadikan pusat pentadbiran British. British telah membina jaringan jalan raya dan jalan keretapi bagi menghubungkan kawasan ladang dan lombong bijih timah ke pusat bandar dan pelabuhan. Akhirnya wujud pembandaran di kawasan berkenaan, manakala kawasan bukan tumpuan ekonomi perdagangan British seperti kawasan pedalaman, kampung-kampung dan pinggir pantai terbiar tanpa sebarang pembangunan, kemudahan asas dan frasarana. Keadaan ini akhirnya telah mewujudkan dua bentuk sektor ekonomi iaitu ekonomi moden dan ekonomi tradisional. (Hasnah Hussiin, 2012)

Sektor ekonomi moden dipelopori oleh British dan pemodal-pemodal Cina. Manakala sektor ekonomi tradisional dipelopori oleh petani-petani kecil dan nelayan yang kebanyakannya terdiri dari orang Melayu. Sektor ekonomi moden pada masa itu mempunyai ciri-ciri berikut iaitu menggunakan teknologi moden yang melibatkan pelaburan yang besar, pasaran yang luas, serta daya pengeluaran yang tinggi seperti sektor perladangan dan perlombongan bijih timah. Mereka yang terlibat dalam sektor ekonomi moden ini terdiri daripada pemodal-pemodal yang mendapat pulangan yang tinggi dan taraf hidup yang jauh lebih baik.

Manakala sektor ekonomi tradisional dijalankan oleh penanam padi, nelayan, penanam buah-buahan dan sayur-sayuran secara kecil-kecilan. Mereka sering dikaitkan dengan masalah kekurangan teknologi, daya pengeluaran yang rendah, menggunakan kaedah-kaedah tradisional dan bagi sektor pertanian biasanya ia diusahakan dalam skala yang kecil iaitu kurang daripada 10 ekar. Pada masa itu, golongan ini dilihat sentiasa hidup dalam kemiskinan dan tiada kemajuan yang telah dicapai. Keadaan ini sengaja dibiarkan oleh pihak British kerana mereka mahu mengekalkan orang Melayu dengan kegiatan tradisi mereka iaitu menanam padi. Kewujudan dua bentuk ekonomi inilah yang telah mewujudkan kawasan maju dan kurang maju iaitu sektor ekonomi moden dan sektor ekonomi tradisional di Tanah Melayu.

Kawasan yang maju telah menjadi bandar-bandar ekoran berlakunya proses urbanisasi manakala kawasan kampung dan kawasan pedalaman yang tidak mengalami proses pembandaran dikenali sebagai luar bandar. Ciri-ciri luar bandar ini pula boleh dilihat dari aspek sosial, ekonomi dan politik. Dari aspek sosial, penduduk luar bandar biasanya

mempunyai pertalian yang rapat dengan alam semulajadi. Sebagai contohnya pemilihan tempat tinggal penduduk luar bandar ialah di pinggir hutan, ladang dan sebagainya. Kehidupan mereka juga kadang-kala dilihat statik dan sukar menerima perubahan. Dari aspek ekonomi pula kebanyakan penduduk luar bandar menjalankan aktiviti berasaskan pertanian yang berbentuk sara diri dan daya pengeluaran yang rendah. Dari aspek politik, di luar bandar atau desa diketuai oleh seorang ketua kampung yang dipilih secara rasmi oleh penduduk kampung atau pihak berkuasa. Politik luar bandar adalah lebih kepada politik dalaman yang melibatkan isu-isu di desa itu sendiri (Hasnah Hussiin, 2012).

Perangkaan tahun 1957 menunjukkan dua pertiga daripada penduduk Tanah Melayu tinggal di luar bandar iaitu daripada 6,276,915 orang, sebanyak 3,922,937 orang terdiri daripada penduduk luar bandar (Zainal Aznam Yusof, Dr Khairuddin Yusof, 1974) Menurut Ibrahim Ngah, sehingga tahun 1957 daripada 6.5 juta penduduk Tanah Melayu, sebanyak 60.2% terdiri daripada orang Melayu, 28% orang Cina dan 10.5% ialah orang India. Dalam hal ini, orang Melayu luar bandar kebanyakannya terlibat dalam aktiviti pertanian seperti penanaman padi, buah-buahan dan sektor perikanan. Orang India lazimnya bekerja dan tinggal di kawasan estet. Mereka mendiami rumah-rumah dalam estet tersebut yang disediakan oleh pihak kerajaan British. Manakala orang Cina yang tinggal di luar bandar merupakan penduduk yang berhijrah ke kawasan hutan-hutan semasa kemelesetan ekonomi 1930-an dan menjalankan aktiviti pertanian. Semasa darurat pada tahun 1948-1960, ramai penduduk Cina yang tinggal di hutan telah dipindahkan ke kampung-kampung baru iaitu sebanyak 86% penduduk kampung baru pada masa ini terdiri dari orang Cina (Ibrahim Ngah, 2010).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi melihat apakah konsep yang dibawakan oleh Pembangunan Komuniti kepada masyarakat Tanah Melayu pada waktu itu dan bagaimanakah pelaksanaan konsep Pembangunan Komuniti itu dijalankan di seluruh Tanah Melayu sehingga ia menjadi model kepada negara Asia yang lain dalam membangunkan masyarakat luar bandar.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat pelbagai pandangan tentang Pembangunan Komuniti terutamanya perbezaan definisi. Pada peringkat awal ini, pengenalan Pembangunan Komuniti menjadi polemik bagi sesebuah negara yang terlibat. Maksud Pembangunan Komuniti ini berbeza-beza bergantung kepada lokasi dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Menurut definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pembangunan Komuniti ialah proses di mana usaha oleh rakyat sendiri yang disatukan dengan pihak berkuasa kerajaan untuk memperbaiki keadaan ekonomi, sosial dan budaya masyarakat, bagi membolehkan mereka menyumbang sepenuhnya kepada kemajuan negara. Atas dasar ini pembangunan masyarakat mengandungi unsur-unsur utama berikut iaitu merealisasikan kehendak politik pusat (pembangunan ditambah identiti nasional), peranan individu dan komuniti dan objektifnya adalah untuk membolehkan kerjasama pusat dan negeri. Pembangunan Komuniti yang dianjurkan oleh PBB, atau istilah yang digunakan oleh PBB sebagai *Community Development* (PBB:1973) ini masih digunakan oleh kebanyakan negara terutamanya negara membangun di Asia. Walau bagaimanapun, tentang apakah Pembangunan Komuniti sebenarnya, dimensi Pembangunan Komuniti dan apakah

program Pembangunan Komuniti adalah berbeza dari negara ke negara. Terdapat contoh (dan kadangkala model) di mana matlamat dan instrumen Pembangunan Komuniti diperkenalkan oleh pentadbiran pusat, manakala yang lain masih bergantung pada idea menjana bantuan diri individu. Banyak negara telah melaksanakan Pembangunan Komuniti dalam beberapa dekad ini. Oleh itu, mungkin berbaloi untuk memulakan kajian perbandingan sistematik baharu tentang Pembangunan Komuniti secara umum dan kategori berlainan. Dalam hal ini, PBB telah meminta tiga laporan negara iaitu Republik Korea, India dan Malaysia, yang mungkin menunjukkan bagaimana Pembangunan Komuniti ini difahami, pendekatan dan apa motif dan kepentingan yang dipertaruhkan. Walau bagaimanapun, contoh-contoh yang diberikan menunjukkan bahawa masih banyak perkara yang perlu dilakukan pada dimensi konsep dan metodologi asas, termasuk semakan semula definisi Pembangunan Komuniti yang disarankan oleh PBB. Persoalan seperti apakah yang dimaksudkan dengan "kemajuan negara", "kehidupan bernegara", "keadaan ekonomi, sosial dan budaya, siapa yang harus diperbaiki, dan siapa yang tidak? Tempoh berapa lama dan sejauh mana "pihak berkuasa kerajaan" memainkan peranan dan bagaimanakah ia harus disahkan? Kajian semula berterusan terhadap pengalaman praktikal sememangnya diperlukan, terutamanya berkaitan dengan konsep, penyelidikan dan latihan dalam Pembangunan Komuniti. Apa pun saranan atau definisi Pembangunan Komuniti oleh PBB, pelaksanaan di tiap-tiap buah negara adalah berbeza. Mengikut Ploch (1976), Pembangunan Komuniti ialah penglibatan yang aktif daripada masyarakat setempat untuk menjalankan program-program yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka. CDA atau Community Development Academy (1997) pula melihat Pembangunan Komuniti ini sebagai penglibatan daripada semua pihak dan agensi untuk mencapai matlamat yang sama iaitu memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Mengikut CDA, semua pihak perlu memainkan peranan yang penting dengan usaha secara menyeluruh dan bersungguh-sungguh daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan. Aspek kerjasama, toleransi dan memaksimumkan penggunaan sumber-sumber dalaman merupakan sebahagian daripada perkara yang ditekankan oleh CDA untuk mencapai matlamat yang ditentukan.

Seterusnya, Pembangunan Komuniti ini juga boleh dilihat dalam penulisan Roland L. Warren (2015) yang lebih tertumpu kepada idea bahawa komuniti boleh diperkasakan melalui penyertaan aktif dan kerjasama dalam kalangan ahlinya. Beliau menekankan bahawa Pembangunan Komuniti harus melibatkan pendekatan holistik yang mengambil kira faktor sosial, ekonomi dan persekitaran yang mempengaruhi masyarakat. Dari segi strategi, Warren menekankan keperluan untuk penglibatan komuniti dalam membuat keputusan, serta kepentingan membina dan mengekalkan hubungan dalam kalangan ahli komuniti, organisasi dan institusi. Beliau juga menyokong penggunaan sumber dan aset tempatan untuk menangani keperluan komuniti, dan menekankan kepentingan pendidikan masyarakat dan peningkatan kesedaran sebagai cara untuk membina kapasiti dan meningkatkan penyertaan masyarakat. Secara keseluruhannya, pendekatan penulis ini terhadap Pembangunan Komuniti tertumpu pada membina rasa pemilikan dan rasa tanggungjawab komuniti dengan matlamat untuk mewujudkan komuniti yang mampan dan berkembang maju.

Pembangunan Komuniti mempunyai pelbagai pendekatan dan strategi yang berbeza berdasarkan kajian kes di negara-negara Asia seperti di Thailand, Indonesia, Filipina dan termasuklah Tanah Melayu. Udo Ernst Simonis (1976) telah mendapati projek Pembangunan Komuniti di beberapa negara Asia berkembang dari semasa ke semasa dan dipengaruhi oleh

faktor budaya, sosial dan ekonomi serta beberapa cabaran yang dihadapi oleh pihak yang terlibat dalam Pembangunan Komuniti. Penulis telah membuat perbandingan model pembangunan komuniti merentasi pelbagai negara Asia seperti Model negara Cina yang ditadbir secara berpusat dengan tumpuan pada organisasi kolektif, model negara India yang menekankan bantuan diri dan motivasi individu dalam tradisi liberal dan model Tanzania yang menggabungkan unsur-unsur pendekatan Cina dan India. Seminar ini menekankan bahawa negara-negara membangun terlibat secara aktif dalam pembangunan komuniti sejajar dengan definisi PBB, memfokuskan terutamanya kepada kawasan luar bandar. Sebaliknya, wakil dari negara perindustrian mendapati sukar untuk menyumbang kepada perbincangan ini kerana konteks yang berbeza dan pembangunan komuniti yang kurang aktif. Skop seminar adalah terutamanya luar bandar, mengabaikan cabaran pembangunan bandar. Peninggalaan ini menyerlahkan jurang dalam menangani isu pembandaran di negara membangun, di mana perancangan dan penyelarasan masih berkembang. Para perwakilan mencadangkan beberapa tindakan, termasuk mempromosikan ulasan saintifik tentang pengalaman pembangunan komuniti, mengadakan mesyuarat antarabangsa secara tetap, dan menubuhkan sebuah institut antarabangsa atau serantau yang khusus untuk penyelidikan dan latihan pembangunan komuniti. Seminar ini gagal menjalankan kajian perbandingan yang sistematik terhadap model yang berbeza kerana perwakilan terhadap pelbagai pendekatan, yang menyekat kedalaman perbincangan. Secara ringkasnya, kertas kerja itu menggariskan kepelbagaian dalam amalan pembangunan komuniti di seluruh Asia dan memerlukan usaha yang lebih diselaraskan dan dipacu penyelidikan untuk menangani kedua-dua cabaran pembangunan luar bandar dan bandar secara menyeluruh.

David Lim (1986) membincangkan tentang perancangan integrasi Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) ke dalam perancangan pembangunan Malaysia selepas pembentukan persekutuan pada tahun 1963. Rancangan pembangunan awal terutamanya dipengaruhi oleh gaya perancangan Semenanjung Malaysia, walaupun sosio sosio yang ketara. Penulis mengatakan Malaysia Timur kekal lebih bergantung kepada industri utama seperti pertanian, perlombongan dan perhutanan berbanding Semenanjung Malaysia, yang telah mempelbagaikan ke dalam pembuatan dan perkhidmatan. Perbezaan ini membentuk strategi pembangunan yang diperlukan untuk wilayah tersebut. Walaupun strategi perancangan Semenanjung Malaysia telah mempengaruhi Malaysia Timur, pelarasan adalah perlu untuk mengambil kira keperluan unik rantau ini, seperti ketersediaan tanah dan pergantungan pengeluaran utama. Perancangan masa depan di Malaysia Timur harus menumpukan pada memanfaatkan sumber aslinya secara bertanggungjawab, meningkatkan infrastruktur, dan menangani ketidaksamaan sosio-ekonomi dengan pendekatan yang lebih setempat dan bukannya mencerminkan strategi Semenanjung secara langsung. Kertas kerja ini menekankan kepentingan strategi pembangunan khusus konteks untuk memastikan pertumbuhan yang seimbang dan inklusif di pelbagai wilayah Malaysia.

Haris Abd. Wahab dan Siti Hajar (2007), mengkaji tentang perkembangan atau evolusi pembangunan komuniti di Tanah Melayu dari tahun 1957 sehingga tahun 2005. Perbincangan tentang pembangunan komuniti dari segi matlamat dan pelaksanaan diterangkan secara terperinci. Antara program pembangunan komuniti yang disentuh adalah merangkumi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK), Buku Merah, Gerakan Maju, Jaya Diri, KEMAS, Dasar Pembangunan Kampung dan Luar Bandar, Pendekatan Hala Cara Baru, Revolusi Baru, Transformasi Luar Bandar dan Gerakan Desa Wawasan.

Mohammad Shatar Sabran (2003), memaparkan tentang konsep bagaimana untuk menjayakan program pembangunan komuniti yang dilihat kurang mencapai matlamat terutamanya isu pembasmian masalah kemiskinan. Walaupun pelbagai projek dan program telah dijalankan oleh pihak kerajaan sejak negara mencapai kemerdekaan, namun masyarakat luar bandar masih dibelenggu kemiskinan. Punca kepada kegagalan program sebelum ini dikaitkan dengan dasar dan strategi pembangunan komuniti yang telah dilaksanakan sebelum ini kurang berkesan. Justeru itu, dirangka sebuah Model Pembangunan Komuniti yang memberikan penekanan kepada lima elemen utama dipercayai mampu untuk membantu menyelesaikan masalah kemiskinan iaitu pemimpin masyarakat, masyarakat tempatan, teras pembangunan komuniti, proses pembangunan komuniti dan hasil pembangunan komuniti. Model ini menjelaskan dengan terperinci proses yang perlu dilalui oleh setiap masyarakat atau agensi yang berminat untuk membantu golongan miskin di negara ini melalui projek-projek yang dijalankan.

Haris Abd Wahab (2004) mengkaji tentang penglibatan masyarakat dalam pembangunan komuniti di mana tinjauan telah dibuat terhadap masyarakat yang terlibat dalam Projek Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK) di Kampung Buloh, Kelantan. Penulis menekankan akan pentingnya penglibatan menyeluruh daripada masyarakat dari aspek membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian projek. Hasil kajian mendapati penglibatan masyarakat dalam projek pembangunan komuniti sangat kurang khususnya dari aspek membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian projek. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya projek pembangunan komuniti yang dilaksanakan telah berjaya membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat desa dalam bidang sosial dan ekonomi. Keadaan ini dapat dilihat melalui peningkatan pendapatan masyarakat, kemudahan infrastruktur, hubungan masyarakat, pendidikan anak-anak, sikap dan kebajikan anggota masyarakat.

Secara umumnya terdapat banyak lagi kajian tentang pembangunan komuniti telah dilaksanakan khususnya selepas kemerdekaan. Tidak dinafikan, pembangunan komuniti peringkat awal yang dibincangkan dalam kajian ini merupakan perintis kepada pembangunan komuniti yang dilaksanakan di negara Malaysia sehingga kini. Ia perlu dipersembahkan kepada masyarakat agar mereka mengetahui bahawa Malaysia suatu masa dahulu menjadi contoh kepada beberapa negara luar mengenai konsep pembangunan komuniti.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menjalankan kajian terhadap bahan arkib. Kaedah kualitatif lazimnya lebih dominan kerana penyelidikan sejarah berkembang atas kajian fenomena, konsep, gagasan, perkembangan, implikasi dan yang seumpamanya. Situasi ini bersesuaian dengan takrif kualitatif itu sendiri iaitu, kajian tingkah laku manusia berkait proses atau bagaimana sesuatu perkara itu berlaku dalam satu-satu suasana yang dikaji. Kaedah kualitatif ini juga memfokus pada proses dan hasil. Dalam hal ini, analisis dilakukan terhadap dokumen-dokumen seperti fail-fail Kerajaan Persekutuan, Fail Majlis Mesyuarat Negeri, laporan rasmi daripada pihak British (C.O), laporan tahunan dan minit-minit mesyuarat sebagai sumber utama kajian yang terdapat di Arkib Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara, dan lain-lain lagi. Selain tumpuan khusus kepada sumber pertama, kajian ini

menggunakan sumber kedua yang terdiri daripada buku, artikel, jurnal, kertas kerja, tesis, disertasi, dan latihan ilmiah.

DAPATAN KAJIAN

PELAKSANAAN PEMBANGUNAN KOMUNITI DI TANAH MELAYU

Pembangunan komuniti yang dijalankan di Tanah Melayu ini adalah selaras dengan Persidangan Musim Panas Kolonial dalam Pentadbiran Afrika pada tahun 1948 dan Persidangan Taiping 1953 tentang penglibatan aktif dalam kalangan penduduk untuk pembangunan taraf hidup yang lebih baik, penggunaan sumber fizikal yang lebih cekap, kesihatan yang lebih baik, lebih banyak pendidikan, kemudahan sosial yang lebih baik dan peluang yang lebih baik untuk kemajuan politik. Objektif Pembangunan Komuniti jelas untuk mewujudkan kehidupan yang lebih baik yang meliputi semua aspek atau keperluan kehidupan individu dan masyarakat. Ini bermaksud penekanan ini lebih menjurus kepada pembangunan kehidupan rakyat dalam aspek rohani, mental, fizikal, sosial dan ekonomi.

Merujuk kepada catatan dalam Fail Pembangunan Komuniti Perlis, dapat dilihat pendirian pihak kerajaan untuk melaksanakan Pembangunan Komuniti ini dengan segera kerana orang-orang Melayu yang tinggal kampung-kampung dianggap seperti berjalan jika dibandingkan dengan kemajuan orang bukan Melayu tinggal di pekan-pekan dilihat seperti berlari. Kehidupan orang Melayu akan jauh ketinggalan sekiranya kemajuan kampung tidak dilakukan segera. Dinyatakan juga dalam dapatan sumber ini bahawa orang-orang Melayu di kampung tidak maju dibandingkan dengan bangsa lain atas beberapa sebab iaitu :

1. Sebelum negeri-negeri Melayu berada di bawah naungan Inggeris, orang Melayu bekerja untuk mendapat makanan dan pakaian yang cukup dan mendapat kemahuan yang lain kerana mereka tidak sukar mendapatkan tanah untuk bercucuk tanam disebabkan masyarakat ketika itu tidak ramai di negeri Perlis. Maka, keadaan sedemikian tidak memaksa orang-orang Melayu untuk bekerja dengan lebih kuat.
2. Sebab kedua pengenalan dasar kerajaan ketika di bawah naungan Inggeris telah membuatkan masyarakat untuk terus mengharap dan menantikan kerajaan membuat semua perkara terhadap kemajuan mereka.
3. Hal ini sebaliknya tidak berlaku kepada orang Cina dan India yang datang dari negeri yang susah telah memaksa mereka untuk bekerja lebih kuat.

Secara amnya, pelaksanaan Pembangunan Komuniti di seluruh Tanah Melayu ini telah dijenamakan sebagai Program Pembangunan Luar Bandar. Perdana Menteri ketika itu Tunku Abdul Rahman telah menyatakan bahawa pembangunan luar bandar akan menjadi dasar utama kerajaan. Menurut beliau:

Since the very beginning this Government had made it quite clear that its priority in policy is the development of the rural areas. It is very important for all people in cities and towns to understand that priority for the kampongs is a national necessity. You

cannot have prosperity in towns and poverty in the kampongs if you want a land of happiness.

(Tunku Abdul Rahman, 1958)

Berdasarkan kenyataan Tunku Abdul Rahman tersebut, ia menunjukkan pembangunan luar bandar akan menjadi agenda utama kerajaan selepas merdeka. Untuk itu maka ditubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1959. Pembangunan luar bandar telah dilaksanakan dan diperkenalkan secara rasmi oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1960. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada kenyataan yang dibuat oleh Tun Abdul Razak seperti di bawah:

Kerajaan menyifatkan usaha pembangunan luar bandar ini sebagai kerja darurat. Oleh itu, kerajaan berazam hendak menjalankan rancangan-rancangan dengan bersungguh-sungguh sebagaimana yang telah dijalankan pada masa kita menghadapi darurat (Tun Haji Abdul Razak, 1960).


Ternyata asas penting dalam melaksanakan kemajuan di luar bandar, adalah berada di bawah tanggungjawab kerajaan yang berperanan meletakkan rangka-rangka batu asas di mana kemajuan yang telah dirancang akan ditaja...

(Tun Haji Abdul Razak, 1960)

Objektif dan dasar pembangunan luar bandar pada era Tun Abdul Razak adalah jelas iaitu untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar dengan mengadakan pelbagai kemudahan dalam sektor pertanian, perusahaan, penyediaan infrastruktur, sekolah dan hospital luar bandar. Objektif dan dasar kerajaan terhadap pembangunan luar bandar pada masa itu dapat dilihat dalam ucapan yang dibuat oleh Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, rancangan pembangunan lima tahun negara serta Fail-fail Kabinet dan kementerian. Objektif pembangunan luar bandar dapat dilihat pada kertas Kabinet yang bertajuk *Rural Development Directive No.1* iaitu antara tujuan utamanya ialah untuk meningkatkan taraf hidup penduduk kampung dengan menyediakan asas-asas dan kemudahan kepada penduduk kampung dalam sektor pertanian dan perusahaan, menyediakan ransangan, insentif dan kemudahan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar (Rural Development Publicity Directive, 1960).

Rajah 1

Objektif Pembangunan Luar Bandar



Dasar pembangunan luar bandar ini terletak di bawah perenggan Rural Development Policy yang menyebut dasar pembangunan luar bandar sebagai berikut:

“Our National Rural Development Policy was designed giving full recognition to the universal principle that no nation anywhere in the world can hope to develop, or progress, to any extent, except by the full-hearted co-operation and energetic efforts of each and every one of its citizens.” This framework consists of such government projects as road making, improved health, educational, veterinary, agriculture and other services; a faster system of land alienation; the development of rural and cottage industries; an increase in the number of schemes established by the Federal Land Development Authority; and other similar government activities”.

(Rural Development Directive, 1960)

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dasar kerajaan dalam pembangunan luar bandar adalah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kepada rakyat yang tinggal di luar bandar seperti jalan raya, jambatan-jambatan, bekalan air, elektrik, pusat kesihatan, balai raya, pendidikan, perusahaan luar bandar, pembangunan tanah dan sebagainya. Jika dilihat dalam pelan Rancangan Malaya Pertama 1956-1960 sehinggalah Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970, objektif bagi pembangunan luar bandar masih sama iaitu untuk memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi penduduk luar bandar agar setanding dengan penduduk di bandar (Tun Abdul Razak, 1961) Memetik antara objektif pelan Rancangan Malaya Kedua adalah “.....to provide facilities and opportunities for the rural population to improve its level of economic and social well being” (Second Five Year Plan, 1961).

Untuk mencapai objektif dan dasar kerajaan ini ia memerlukan sokongan dan peranan oleh pihak kerajaan, kerjasama daripada semua institusi yang terlibat dalam pembangunan luar bandar dan juga sokongan daripada masyarakat (masyarakat disini merujuk kepada masyarakat luar bandar, individu dan organisasi). Dalam hal ini, Tun Abdul Razak


menegaskan objektif pembangunan luar bandar bukan sahaja untuk menyediakan kemudahan seperti jalan, jambatan, sekolah dan sebagainya tetapi usaha juga dilakukan bagi mengadakan program-program yang boleh membantu meningkatkan pendapatan penduduk kampung dan secara tidak langsung menambahkan pendapatan negara (Minute of The First Meeting of The National Rural Development Council, 1960). Dalam hal ini, semua kementerian, Kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri dan jajahan telah membentuk dasar ke arah tujuan yang sama iaitu kemajuan luar bandar (Action on Rural Development Directive No.1, 1959).

Bagi menggerakkan program Pembangunan Komuniti ini, pihak Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ditubuhkan pada 17 November 1959 (Tun Abdul Razak, 1960) berdasarkan kepada Directive No.1 dalam Fail Kabinet (Action on Rural Development Directive No.1, 1959) yang dipimpin oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri (Cabinet Paper No.172/11/60, 1960). Penubuhan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sesungguhnya telah menjadi nadi kepada pembangunan luar bandar apatah lagi ia diterajui oleh Tun Abdul Razak yang bertindak sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar. Beliau telah mengangkat sumpah jawatan pada tarikh 17 November 1959 iaitu sama dengan tarikh penubuhan kementerian tersebut. (Tun Abdul Razak, 1960). Antara objektif penubuhan kementerian ini ialah: (Budget Summary of Federal Government Expenditure, 1969):

1. mengintegrasikan usaha-usaha semua kementerian dan jabatan kerajaan bagi pelaksanaan pembangunan luar bandar
2. menyediakan rangka asas kepada usaha untuk membangunkan dan melibatkan masyarakat luar bandar dalam pembangunan ekonomi dan
3. menyediakan segala kemudahan yang diperlukan oleh masyarakat luar bandar.

Rajah 2


Program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar



Kementerian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pembangunan Komuniti dan Pendidikan Dewasa. (*Budget Summary of Federal Government Expenditure, 1969*) Pelaksanaan pembangunan luar bandar yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak menggunakan kaedah Buku Merah, Bilik Gerakan dan pembahagian pembangunan luar bandar mengikut fasa. Secara ringkasnya, ia dapat digambarkan dalam rajah 3 di bawah:

Rajah 3

Pelaksanaan Pembangunan Luar Bandar



Buku Merah

Rancangan Buku Merah telah dilancarkan pada 25 Januari 1961 oleh Tun Abdul Razak. Ia diperkenalkan agar pelaksanaan pembangunan luar bandar dapat dijalankan dengan sempurna iaitu tiap-tiap jajahan perlu menyusun segala rancangan pembangunan luar bandar di daerah tersebut (*Rural Development Planning, 1960*). Antara objektif pelancaran program Buku Merah ialah bertujuan untuk mengumpulkan segala program pembangunan luar bandar yang akan dimasukkan dalam pembangunan lima tahun negara pada masa akan datang. Kepentingan “Buku Merah” dalam pembangunan luar bandar ini dapat dilihat pada petikan kata-kata Tun Abdul Razak yang menyatakan:

“It is the Government’s duty to lay the Foundation Framework of Development in the rural areas, so that we are able, with a clear conscience, to call on the rakyat to play their part, and to put all their effort into building, on that framework, a better and more prosperous Malaya. The “Red Book” projects are the Foundation Framework.”


(*Rural Development Planning, 1960*)

Bagi Tun Abdul Razak, Buku Merah ini akan berperanan sebagai asas untuk menyediakan segala keperluan atau kemudahan yang diperlukan rakyat. Selepas itu, rakyat pula akan bergerak sendiri untuk memajukan diri mereka berdasarkan bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan sebelum ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu, telah mengadakan rancangan lima tahun sendiri yang dinamakan Buku Kuning (*Berita Harian, 1960*) Mengikut konsep Buku Merah, semua daerah dikehendaki menyediakan satu cadangan bagi Rancangan Pembangunan Luar Bandar Daerah masing-masing. Setelah itu, Rancangan Daerah ini dikumpulkan dan menjadi satu rancangan negeri dan tiap-tiap rancangan negeri ini akan dikumpulkan dan disusun mengikut bahagian masing-masing seperti jalan raya, klinik, rancangan tali air, bekalan air dan lain-lain. Seterusnya ia akan dihantar kepada kementerian.

Secara ringkasnya di dalam Buku Merah ini terkandung semua perkara-perkara yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Jajahan untuk mengadakan rancangan-rancangan bagi kemajuan di kawasan masing-masing. Secara ringkasnya proses membangunkan komuniti dapat dilihat pada susunan rajah 4 di bawah:

Rajah 4

Proses Pembangunan Komuniti Tanah Melayu



Proses di atas menunjukkan carta permintaan terhadap projek pembangunan luar bandar oleh penduduk kampung yang perlu melalui peringkat-peringkat tertentu iaitu bermula di peringkat daerah, seterusnya di bawa ke peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat paling atas iaitu peringkat kebangsaan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970, Buku Merah telah dihentikan dan digantikan dengan projek baru yang dinamakan Gerakan Maju pada tahun 1966 dan Gerakan Jayadiri pada tahun 1968 (*Shamsul Amri Baharuddin, 1988*) Program Gerakan Maju dan Gerakan Jayadiri diperkenalkan untuk memberi peluang kepada masyarakat luar bandar terlibat dalam program pembangunan luar bandar Kerajaan Persekutuan secara total iaitu tidak hanya bertumpu kepada pembangunan fizikal semata-mata.

Bilik Gerakan (Operation Rooms)

Bilik Gerakan ditubuhkan pada 4 September 1961 hasil daripada saranan Tun Abdul Razak agar perjalanan program pembangunan luar bandar berjalan dengan sistematik dan menepati masa yang ditetapkan. Penubuhan Bilik Gerakan Pembangunan Negara Kebangsaan berperanan untuk merangka dan memantau rancangan pembangunan bagi setiap Jabatan, Daerah dan Negeri dalam setahun. Dengan adanya Bilik Gerakan, segala projek pembangunan luar bandar dapat dipantau bagi memastikan perjalanan pembangunan luar bandar dapat berjalan lancar. Menurut Tun Abdul Razak:

This Development Operations Room will show, not only maps of progress on Rural Development by District and by State, but will also show maps depicting the progress (or delays) of the Development Plans of Ministries and Departments.”

(Tun Abdul Razak: Development Operations Room, 1961)

The purpose of these Development Operations Rooms is not to keep one's finger on the pulse of progress where the pulse is beating, but rather, to be able to put one's finger on the places where the pulse of development has stopped beating, so that an accurate diagnosis of difficulties and delays can be carried out, and defects rectified with speed.

(Technique Used for Developing Malaysia, 149/2)

Setiap Bilik Gerakan memaparkan peta dan carta bagi memantau sesuatu projek pembangunan. Terdapat enam peringkat utama (ditandai dengan A,B,C,D,E,F) yang perlu dilalui oleh setiap projek dari awal hingga akhir. Setiap bulan dalam satu-satu tahun, satu baris segitiga berkembar ditandakan. Dalam barisan segitiga pada bahagian atas, Ketua Jabatan yang bertanggungjawab terhadap projek akan membuat unjuran sasaran yang ingin dicapai dalam bulan tersebut. Dalam hal ini, tiga kod warna digunakan. Jika sesuatu projek itu terlewat dari jadual asal, ia ditanda dengan warna merah, jika lebih cepat dari jadual asal, warna hijau digunakan dan jika siap seperti yang dijadualkan ia ditandai dengan warna hitam. Pada bulan Januari setiap tahun, carta kemajuan ini disusun dan dikumpul mengikut setiap negeri. Perdana Menteri akan melihat secara sepintas lalu pembangunan kebangsaan dari sudut projek mana yang masih belum siap atau terlewat dari jadual (yang ditanda dengan warna merah), projek mana yang bergerak mengikut jadual (yang ditanda dengan warna hitam), dan projek mana yang bergerak pantas dari yang ditetapkan dalam jadual (yang ditanda dengan warna hijau). Penubuhan Bilik Gerakan akan menunjukkan pergerakan dan pelaksanaan projek pembangunan luar bandar sama ada ia mengikut masa yang ditetapkan atau sebaliknya. Secara amnya pada masa ini terdapat sebuah Bilik Gerakan Kebangsaan, 13 Bilik Gerakan Negeri dan 100 Bilik Gerakan Daerah (Tun Abdul Razak, Strategy For Action).

Pembangunan Mengikut Fasa

Tun Abdul Razak telah membahagikan pembangunan luar bandar ini kepada empat fasa. (Technique Used for Developing Malaysia, Fail Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, MRD (D), 149/2) Dalam hal ini, selepas fasa pertama dilancarkan dan berjaya, barulah fasa kedua, ketiga dan keempat dilaksanakan. Beliau juga menegaskan setiap fasa yang baru tidak boleh dilaksanakan selagi ia tidak mendapat kelulusan bahawa fasa yang sebelumnya telah mencapai kemajuan dan memberikan hasil yang sepatutnya. Fasa pertama bermula pada awal tahun 1960 bersama dengan pelancaran program Buku Merah. Fasa pertama merupakan pemusatan usaha pihak kerajaan mengadakan struktur asas bagi pembangunan kawasan luar bandar seperti pembinaan jalan raya, memperbaiki taraf kesihatan, pendidikan, penternakan, pertanian, pembangunan tanah, pembangunan industri desa, pertambahan dalam skim pemilikan tanah yang ditubuhkan oleh FELDA dan aktiviti-aktiviti lain-lain oleh pihak kerajaan.

Fasa pertama program pembangunan luar bandar kebangsaan mempunyai dua tujuan utama iaitu pertama untuk menggerakkan jentera kerajaan di semua peringkat dan kedua untuk memberikan masa dan ruang berfikir bagi merancang dengan teliti agar tidak berlaku pertindihan kerja dalam kalangan jabatan-jabatan kerajaan di samping memastikan peruntukan yang disediakan dibelanjakan sepenuhnya (Press Statement on Rural Development dalam Fail Ministry of Rural Development, 1960).

Fasa kedua bermula pada 4 September 1961. Fasa kedua dikatakan sebagai “fasa menyahut

seruan” untuk rakyat memainkan peranan mereka dan menyumbang sesuatu untuk pembangunan bangsa. Fasa ini dilakukan bagi memastikan semua rakyat mendapat penerangan dan pemahaman yang jelas mengenai cara-cara mereka boleh memperbaiki taraf hidup yang lebih baik dengan usaha mereka sendiri berdasarkan kepada kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam fasa pertama dahulu. Penekanan utama yang diberikan dalam fasa kedua ini ialah untuk menggalakkan masyarakat luar bandar mengusahakan sendiri tanah mereka dengan sebaiknya.

Fasa ketiga pula tidak dinyatakan tarikhnya tetapi objektif fasa ini ialah untuk menyediakan kemudahan pemasaran yang lebih baik bagi memastikan penduduk luar bandar mendapat imbuhan yang sepatutnya dari usaha yang telah mereka lakukan.

Fasa keempat diwujudkan dengan tujuan untuk memberikan latihan intensif dalam sektor perniagaan, perdagangan dan perindustrian kepada usahawan-usahawan luar bandar. Dalam hal ini, masyarakat luar bandar mendapat peluang yang sama untuk memasuki sektor perdagangan dan perindustrian walaupun mereka tinggal di luar bandar (Technique Used for Developing Malaysia).

Mengadakan Publisiti Pembangunan Luar Bandar

Pembangunan luar bandar perlu mendapat sokongan yang padu daripada masyarakat luar bandar. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan mahukan agar pembangunan luar bandar ini diuar-uarkan dan dihebahkan kepada seluruh masyarakat. Usaha untuk mengadakan publisiti terhadap pembangunan luar bandar kepada masyarakat luar bandar pada masa ini terbahagi kepada beberapa jenis antaranya laporan mengenai segala aktiviti pembangunan luar bandar seluruh Malaysia serta laporan khas dan liputan lawatan menteri-menteri ke projek pembangunan melalui media seperti radio, filem, kenyataan akhbar dan ucapan. (Rural Development Publicity Directive, 1960) Dalam Rural Development (Publicity and Coverage) bertarikh 3 Januari 1961, ia menyatakan penekanan diberikan kepada kepada Radio Malaya yang berperanan menyiarkan pelan pembangunan negara secara menyeluruh kepada masyarakat dalam bahasa Melayu, Cina, India dan Inggeris. (Rural Development, Publicity and Coverage, 1961).

Oleh itu, atas persetujuan antara Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama dengan pihak radio Malaysia, rancangan Pembangunan Desa diperkenalkan pada 2 Julai 1965 yang disiarkan melalui corong radio selama setengah jam dari pukul 8.30 - 9.00 malam. Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama mengakui antara faktor yang menyebabkan penduduk luar bandar bersikap dingin terhadap rancangan pembangunan luar bandar disebabkan mereka buta huruf dan tidak memahami dasar-dasar kerajaan. Untuk itu, pihak kerajaan menggunakan radio sebagai saluran untuk mendidik masyarakat luar bandar. (Rancangan Ruangan Pembangunan Desa Radio Malaysia, 1967)


KESIMPULAN

Kesimpulannya, Pembangunan Komuniti merujuk kepada proses mewujudkan komuniti yang lebih kuat dan berdaya tahan melalui pelbagai strategi dan inisiatif. Di Tanah Melayu, usaha pembangunan masyarakat tertumpu pada peningkatan akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan penting lain, serta menggalakkan pembangunan ekonomi dan

memperkasakan kumpulan terpinggir. Usaha ini telah didorong oleh pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan berkepentingan dan ahli komuniti sendiri. Hasil kajian ini dapatlah dibentuk sebuah konsep pembangunan komuniti luar bandar Persekutuan Tanah Melayu seperti di bawah:

Rajah 5

Membentuk Konsep Pembangunan Komuniti Luar Bandar Persekutuan Tanah Melayu



Secara keseluruhannya, matlamat Pembangunan Komuniti atau masyarakat di Tanah Melayu adalah untuk membina komuniti yang lebih kukuh dan inklusif yang boleh berkembang maju dalam menghadapi cabaran sosial, ekonomi dan alam sekitar.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah di atas sokongan dan ruang yang diberikan kepada penerbitan artikel ini. . Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) kerana memberi peluang frasarana kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Seterusnya Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) yang sering menggalakkan penghasilan penulisan dan penerbitan. Tidak lupa juga kepada Arkib Negeri Kedah dan Arkib Negara Kuala Lumpur yang memberikan peluang untuk penulis mendapatkan bahan-bahan rujukan Primer dan Sekunder.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh semua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang kepentingan bersaing yang perlu diisytiharkan.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Budget Summary of Federal Government Expenditure, (1969). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Community Development Academy (CDA), (1997). Building Community from Grassroots. Columbia: University of Missouri.
- Dani Salleh (2004). Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia, Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Fail Community Development in Kampong Bintong, Perlis.(1957).No.1957/0695851W
- Fail D.I.D Kedah 145-49 Functions and Policy of Drainage and Irrigation Department Kedah and Perlis.
- Fail Perlis Community Development.(1957).No 314/57
- Haris Abd. Wahab (2004). Penglibatan Masyarakat Tempatan dalam Projek Pembangunan, dalam Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia, Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Haris Abd. Wahab dan Siti Hajar (2007). Perkembangan Pendekatan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia, Jurnal Sejarah, e-journal.um.edu.my.
- International Seminar on the Comparative Study of Community Development, 3-8 December 1973, Organized by The Korean National Commission for UNESCO.
- Mohammad Shatar Sabran (2003). Model Pembangunan Komuniti, Jurnal Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Penubohan Sharikat Bekerjasama2 Jimat Chermat Dan Perniagaan Bagi Penduduk2 Kawasan Mata Ayer Tanggongan Berhad. Jabatan Pembangunan Koperasi Perlis.(4 November 1962).
- Penyata Kewangan (1961). Jabatan Perbendaharaan Negeri Perlis.
- Penyata Kewangan (1970). Jabatan Perbendaharaan Negeri Perlis.(31 Disember 1970).
- Ploch, L. A. (1976). Community Development in Asia. Journal Storage (JSTOR)443-461.
- Ploch, L. A. (1976). Community Development Inaction. Journal of Community Development Society 7(1): 5-15.
- Press Statement on Rural Development dalam Fail Ministry of Rural Development (1960). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Rancangan Ruangan Pembangunan Desa Radio Malaysia,(1967). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Roland L.Warren. (2015).The Theory and Strategy of Community Development. Oxford Journal.

- Roland L. Warren. (2015). *The Theory and Strategy of Community Development*, Oxford Journal, Diakses daripada ajae.oxfordjournals.org dari Universiti of Bath Library & Learning Centre.
- Rural Development Publicity Directive (1960). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Rural Development, Publicity and Coverage, (1961). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Technique Used for Developing Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- The Red Book and Its Aim,” dalam Ucapan Tun Abdul Razak, Strategy for Action, Koleksi Ucapan Tun Abdul Razak, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Tun Abdul Razak, (t. t.). *Strategy For Action*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tun Abdul Razak: Development Operations Room, (1961). Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Zakiah Jamaluddin (2015). *Pengenalan Perancangan dan Pembangunan Komuniti dalam Perancangan dan Pembangunan Komuniti*, Universiti Utara Malaya (UUM).